

JKKK Perlu Bantu Beri Penerangan Berkenaan CBP

Bernama

5 Mei, 2014

MARAN, 5 Mei (Bernama) -- Anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan pemimpin setempat diminta turun padang memberi penerangan kepada rakyat tentang cukai barang dan perkhidmatan (CBP) yang akan dilaksanakan kerajaan tahun depan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Ismail Abd Muttalib berkata JKKK yang sentiasa bersama-sama masyarakat dan akar umbi perlu memberikan penerangan tersebut supaya rakyat tidak mudah dikelirukan pembangkang.

"Rakyat perlu diberikan penjelasan agar mereka faham apa sebenarnya cukai CBP dan tidak mudah dibohongi pembangkang yang sengaja membangkitkan kebencian rakyat kepada kerajaan," katanya kepada pemberita ketika menghadiri majlis jamuan alumni Sekolah Menengah Kebangsaan Maran di sini Isnin.

Beliau berkata, pakar ekonomi telah memperakui bahawa CBP pada kadar 6 peratus tidak akan membebankan rakyat dan telah dilaksanakan di 165 buah negara.

"GST jauh lebih murah berbanding dengan cukai semasa (cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebanyak 16 peratus) yang dilaksanakan ketika ini," katanya.

Ismail yang juga Ketua Umno Bahagian Maran berkata Umno bahagian itu juga akan turun padang untuk memberi penerangan kepada anggota Umno tentang CBP bagi memastikan mereka benar-benar faham dan mudah untuk menerangkannya kepada rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035787>